

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4 November 2015

Malaysia terus unggul sukuk kewangan Islam

UM - 4/11/2015

Oleh NABIL BASARUDDIN
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Sukuk terus menjadi instrumen dalam sistem kewangan Islam paling penting dan konsisten apabila menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahlin lalu dengan terbitan sehingga AS\$173 bilion (RM740.54 bilion).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jumlah terbitan adalah 57-4 peratus daripada jumlah sukuk secara global yang bernilai AS\$300 bilion (RM1.28 trilion) manakala Arab Saudi berada di tempat kedua dengan sukuk bernilai AS\$50.4 bilion (RM215.74 bilion) atau 16.7 peratus.

Menurut beliau, sukuk terus menampilkan pergerakan yang memberangsangkan sejak kebangkitan ini malah pada tahun lalu sahaja negara-negara bukan Islam di dunia telah menunjukkan minat terhadap sukuk seperti United Kingdom, Hong Kong, Afrika Selatan dan Luxemborg.

Katanya, bon Islam itu juga sudah mula bertapak dalam kalangan

syarikat-syarikat korporat serta institusi perbankan seperti Bank Pembangunan Islam (IDB), Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFC) dan Kemudahan Kewangan Antarabangsa sebuah badan di bawah Bank Dunia.

"Malah, di Malaysia, Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) telah mengambil inisiatif menyokong sukuk dengan memperkenalkan dan menerbitkan sukuk pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI).

"Dalam memperkasakan agenda pelaburan sukuk ini, Khazanah telah menerbitkan Sukuk SRI Ringgit Malaysia yang dikenali sebagai Sukuk Ihsan yang telah dilanggan sepenuhnya pada Jun tahun ini," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan perasmian Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Ke-11 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Harun; bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Yayasan WIEF, Tun Musa Hitam.

Tambah Najib, kerajaan Malaysia juga telah menjalankan pelbagai usaha bagi merencanakan usaha

untuk memperkasa peiabutan sukuk melalui Bajet 2016 yang telah dibentangkan pada 23 Oktober lalu.

Dalam bajet berkenaan, kerajaan dalam usaha mempergiatkan pasaran modal telah bersetuju untuk melaksanakan beberapa inisiatif termasuk potongan cukai diberi ke atas kos penerbitan sukuk pelaburan mampan dan bertanggungjawab serta pengecuahan duti setem sebanyak 20 peratus ke atas surat cara pembiayaan patuh syariah untuk pembelian rumah.

WIEF kali ini diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 5 November dihadiri oleh 23 pemimpin negara, personaliti ekonomi dan para menteri yang turut menghimpunkan lebih 3,069 delegasi mewakili lebih 98 negara Islam dan bukan Islam.

Malah, penganjuran kali ini juga bakal menyaksikan pelantikan Pavihon Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang akan disertai sebanyak 14 negara merangkumi negara-negara ASEAN, Asia Tengah, Eropah, Amerika Utara dan United Kingdom.